



# **KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD**

## **PEMBIAYAAN PEMBANGUNAN EKONOMI ANGGOTA KoBPM (PEAK)**

### **1. KELAYAKAN PERMOHONAN**

Terbuka kepada Anggota yang telah memenuhi syarat berikut ;

- 1.1 Menjadi Anggota tidak kurang dari 6 bulan.
- 1.2 Telah menyempurnakan bayaran modal syer RM2,000.
- 1.3 Bagi anggota berpendapatan tetap seumpama gaji/pencen untuk bayaran balik pembiayaan perkiraan DSR adalah terpakai. Kelayakan DSR adalah tidak melebihi dari 55% berdasarkan kerangka yang telah dikeluarkan oleh SKM.
- 1.4 Bagi Anggota yang memohon pembiayaan yang bercagarkan yuran jumlah yang layak dipertimbangkan adalah pada had maksimum 80% sahaja daripada yuran terkumpul pada tarikh permohonan pembiayaan dibuat.
- 1.5 Kelayakan permohonan Anggota adalah tertakluk kepada perubahan semasa ke semasa dengan kelulusan ALK.

### **2. HAD PEMBIAYAAN**

- 2.1 Projek bersaiz mikro adalah sehingga RM10,000.00.
- 2.2 Projek bersaiz kecil dan sederhana adalah sehingga RM100,000.00.

### **3. KADAR HAD PEMBIAYAAN PROJEK**

Sehingga 90% daripada kos projek.

### **4. PROJEK YANG LAYAK DIBIYAI**

Projek mikro, kecil dan sederhana yang layak dibiayai adalah seperti berikut:-

- 4.1. Pengeluaran makanan dan segala aktiviti yang melibatkan proses pengeluaran dan rantaianya.
- 4.2. Aktiviti perniagaan yang dibenarkan oleh syarak dan undang-undang perniagaan Malaysia.
- 4.3. Aktiviti pertanian, perladangan, penternakan dan juga perikanan dan semua aktiviti yang berkaitan dengannya.
- 4.4. Aktiviti pemasaran, pembungkusan, pendedaran termasuk pemilikan kenderaan, penyediaan premis atau kedai bagi tujuan pengurusan dan pembekalan.
- 4.5. Perkhidmatan sokongan termasuk peralatan, sistem perkhidmatan dan peralatan berkaitan IT, pembuatan dan sebagainya.
- 4.6. Peruncitan, perniagaan dalam talian (online), kontrak dan lain-lain.
- 4.7. Lain-lain aktiviti perniagaan termasuk penyediaan makanan, penyediaan peralatan dan barangan pengguna.

**5. HAD UMUR PENERIMA BIAYA**

Had umur maksimum penerima biaya adalah 80 tahun pada tarikh matang pembiayaan.

**6. TEMPOH PEMBIAYAAN**

Tidak lebih daripada 15 tahun bagi projek bersaiz kecil dan sederhana, manakala projek mikro tidak lebih daripada 5 tahun.

**7. KADAR KEUNTUNGAN**

Kadar keuntungan adalah sepertimana yang ditetapkan oleh KoBPM dan berdasarkan baki bulanan. Kadar siling adalah 4% tambahan kepada kadar keuntungan.

**8. BAYARAN PERKHIDMATAN**

Bayaran wang proses permohonan adalah RM100.00 bagi setiap permohonan dan tertakluk kepada perbelanjaan sebenar.

**9. JAMINAN/CAGARAN**

Setiap pembiayaan perlu di cagarkan yuran anggota dan jika tidak memadai anggota boleh menggunakan sebarang harta tetap seumpamanya tanah atau kediaman kekal sebagai cagaran.

Cagaran yuran adalah seperti berikut:-

- 9.1 Yuran KoBPM tidak lebih daripada 80% daripada nilai yuran.
- 9.2 Saham TPPK KoBPM sehingga 100% daripada nilai yuran.
- 9.3 Cagaran hartanah – mempunyai pemilikan yang sempurna dan jika pemilikan secara perkongsian kesemua pemilik itu perlu bersetuju untuk memberikan kebenaran gadaian kepada KoBPM. Tanah milikan sementara atau sewaan tidak boleh diterima sebagai instrumen pajakan. Tanah sewapajak atau 'leasehold' hendaklah mempunyai baki tempoh sewaan tidak kurang daripada 20 tahun pada tarikh matang pembiayaan.
- 9.4 Jaminan peribadi – individu yang digunakan untuk menjamin pembiayaan pemohon hendaklah mempunyai kedudukan dan latarbelakang kewangan yang kukuh serta mempunyai pendapatan tetap yang konsisten. Jaminan peribadi adalah merupakan ikatan janji dan hak boleh dituntut secara bersesama dan berasingan atau disebut sebagai 'jointly and severally.'  
Pemohon boleh juga menggunakan waris terdekat, rakan kongsi atau pengarah kepada syarikatnya sebagai penjamin peribadi.

## **10. KAEDAH BAYARAN BALIK**

Mengikut kesesuaian hasil pendapatan projek dan tidak terhad kepada bayaran secara bulanan, boleh dibuat bayaran secara 'bullet payment' atau bayaran mengikut musim dan sebagainya.

Kaedah pembayaran balik hendaklah melalui potongan gaji Bank/ANGKASA jika masih berkhidmat atau arahan tetap Bank kepada anggota yang bersara atau tidak lagi bekerja dengan Bank/KoBPM.

## **11. LAIN-LAIN SYARAT PEMBIAYAAN**

- 11.1. Kesemua projek yang dibiayai hendaklah mempunyai aktiviti yang boleh memberikan hasil pendapatan yang menguntungkan dan berpotensi untuk berkembang maju serta berdaya saing.
- 11.2. Setiap permohonan perlu mengemukakan lesen perniagaan atau pendaftaran perniagaan.
- 11.3. Projek mestilah di tubuhkan, dikendalikan dan di laksanakan di dalam kawasan negara Malaysia.
- 11.4. KoBPM mempunyai hak untuk menarik balik kemudahan ini sekiranya didapati anggota gagal mematuhi syarat-syarat pembiayaan dan bagi menguatkuasakan bayaran balik KoBPM boleh mengenakan tindakan undang-undang terhadap penerima biaya, penjamin dan cagaran yang disandarkan kepada pembiayaan ini.
- 11.5. Bagi melindungi tanggungan hutang anggota di galakkan untuk menyertai Tabung Perlindungan Kredit (TPK) berdasarkan terma dan syarat-syarat TPK yang di luluskan, walaupun pembiayaan telah di lindungi sepenuhnya oleh jaminan peribadi atau cagaran.
- 11.6. Pembiayaan yang dibuat dengan menggunakan jaminan atau tanggungan di kendalikan oleh anak pemohon/anggota perlu mengisi borang penama bagi melindungi hak KoBPM sekiranya pemohon meninggal dunia atau jatuh muflis.
- 11.7. Pemohon juga hendaklah mengemukakan borang penzahiran maklumat - maklumat kredit individu bagi membolehkan pihak KoBPM memproses dan menyemak latarbelakang kredit serta kedudukan kewangan pemohon, penjamin dan atau pencagar.